

## KEPENTINGAN TAKWIM HIJRI DALAM PERMASALAHAN FIQH DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PENGAMALAN PENGIRAAN TEMPOH *HAWL* DALAM PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

Radzuan Bin Nordin<sup>1</sup>, Ab Rahim Bin Ibrahim<sup>1</sup>

### Abstrak

Persoalan takwim hijri bukan hanya dilihat dari sudut kaedah pembentukannya sahaja, malah yang paling utama ialah penggunaannya dalam permasalahan yang ada kaitan secara langsung dengan fiqh. Tulisan ini cuba menjelaskan kepentingan sebenar takwim hijri dalam permasalahan fiqh yang difokuskan secara khusus kepada tempoh hawl dalam pelaksanaan zakat. Perbezaan hari antara takwim hijri dan masihi perlu dikaji dan difahami agar pelaksanaan ibadat yang berkaitan tempoh masa dapat mencapai maqasid syariah. Pengamalan agensi agama seperti Pusat zakat yang berurusan dengan perkiraan tempoh hawl masih tidak menggunakan takwim hijri sepenuhnya. Tulisan ini diharapkan dapat menyelesaikan kekeliruan masyarakat tentang isu berkaitan kepentingan takwim hijri dalam permasalahan fiqh semasa untuk membolehkan masyarakat Islam melaksanakan perintah Allah swt mengikut ketentuan yang sebenarnya.

**Kata Kunci:** *takwim hijri, maqasid syariah, zakat, hawl*

---

<sup>1</sup> Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Emel: radzuan@utem.edu.my

## **The importance of Hijri Calendar in Fiqh In Malaysia: The study of the Calculation Period Hawl Practice in Management of Zakat in Malaysia**

### **Abstract**

Hijri calendar is not just a point of its methods of formation but the most important is its use in the existing problems directly related to the fiqh . This paper attempts to explain the true significance of the problems of fiqh Hijri calendar that is focused specifically on the 'hawl' in the implementation of zakat . The difference between the period of Hijri calendar and the AD should be studied and understood in applying 'ibadah' to achieve the objectives of the syariah . Practicing religious agencies such as 'Pusat Zakat' that deals with the 'hawl' arrangement is still not fully apply the Hijri calendar . This paper is expected to answer the current 'fiqh' issues in Hijri Calendar in order to let Muslims follow the right path.

**Keywords:** Hijri Calendar, Maqasid Syariah, Zakat, hawl

### **PENDAHULUAN**

Takwim *hijri* merupakan salah satu dari takwim *al-Qamari* yang digunakan oleh masyarakat Islam. Ia merujuk kepada peredaran bulan mengelilingi bumi dan antara nama lain bagi takwim *hijri* ialah takwim *al-Islami*. Masyarakat Islam menggunakan takwim *al-qamari* sejak permulaan dakwah Rasulullah s.a.w hinggalah hijrahnya baginda ke Madinah al-Munawwarah. Riwayat yang masyhur berkaitan penetapan tarikh hijri adalah berlaku pada zaman pemerintahan *Khalifah al-Rashidin* yang kedua iaitu <sup>o</sup>Umar ibn al-Khattab (586 – 644M). Pada tahun ke tujuh belas hijrah, beliau telah mengutus dokumen kepada Gabernonya Abu Musa al-Asy<sup>o</sup>ari di Basrah dengan bertarikhkan bulan *Sya<sup>o</sup>ban* sahaja. Abu Musa al-Asy<sup>o</sup>ari telah membalas dan bertanya kepada <sup>o</sup>Umar:

*“Sesungguhnya telah datang kepada kami satu dokumen tanpa tarikh dari Amir al-Mukminin. Kami telah membacanya bertarikhkan Sya<sup>o</sup>ban dan kami tidak pasti adakah ianya Sya<sup>o</sup>ban yang kami berada sekarang atau Sya<sup>o</sup>ban tahun lepas”<sup>1</sup>.*

Kedatangan surat Abu Musa al-Asy<sup>o</sup>ari tersebut menyebabkan <sup>o</sup>Umar mengumpulkan para sahabat dan golongan cendekiawan bagi menetapkan tarikh

---

<sup>1</sup> Al-<sup>o</sup>Askari, Abu Hilal al-Hasan ibn <sup>o</sup>Abd Allah ibn Sahl. (1997). *al-Awa'il*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyah, h. 109

permulaan tahun. Perjumpaan ini telah berlaku pada hari Rabu 20 Jamadil Akhir 17 Hijrah bersamaan 8 Julai 638 Masihi<sup>1</sup>.

Mereka telah berselisih dalam menentukan sesuatu peristiwa sebagai permulaan tahun. Pelbagai buah fikiran telah dilontarkan oleh para sahabat; ada yang mahu menjadikan hari kelahiran Nabi dan hari kewafatan Nabi sebagai permulaan tarikh. Mereka telah menerima pendapat °Umar, °Uthman dan °Ali yang melihat hijrah Nabi s.a.w sebagai permulaan tarikh *al-qamari*. °Umar berkata: “*Hijrah telah memisahkan antara kebenaran dan kebatilan, maka jadikanlah ianya sebagai permulaan tarikh*”. Mereka bersetuju memilih hijrah sebagai asas penetapan tarikh ketika Rasulullah s.a.w telah sempurna sampai ke Quba pada hari Isnin 8 *Rabi° al-Awwal* tahun 1 Hijrah bersamaan 20 September 622 Masihi<sup>2</sup>. Menurut Prof. Tuan Hj. Abdul Halim bin Mohamed Tahir; jika dikirakan ke belakang berdasarkan *ru'yah*, maka 1 Muharram bagi tahun pertama hijriah ( 1 Muharram 0001 H ) jatuh pada hari jumaat 16 Julai 622 M<sup>3</sup>. Ini kerana para sahabat bersetuju bahawa permulaan bulan *Muharram* tahun pertama hijrah tersebut bermula 67 hari sebelum Rasulullah s.a.w sampai ke Madinah<sup>4</sup>.

## **PERSOALAN FIQH YANG ADA KAITAN DENGAN TAKWIM HIJRI**

Umumnya takwim masihi digunakan secara meluas di Malaysia dalam pelbagai urusan seharian mencakupi ekonomi, perundangan, politik hingga kepada hubungan antarabangsa. Berbanding takwim hijri hanya digunakan dalam skop yang amat terhad terutamanya berkaitan tiga bulan sahaja iaitu *Ramadan*, *Syawwal* dan *Zu al-hijjah*. Kepentingan takwim hijri dan kesan pelaksanaan takwim dalam menyelesaikan beberapa permasalahan *fiqh* semasa amat perlu untuk dibincang, dikaji dan dikemaskinikan seiringan dengan *maqasid al-syar°iyyah*. Antara persoalan fiqh yang mempunyai hubungkait dengan penggunaan takwim hijri adalah persoalan tempoh *hawl*, tempoh *iddah*, tempoh mengandung, *baligh*, *hadanah*, penyusunan dan hukum hakam yang merujuk kepada perkiraan umur samada yang melibatkan manusia atau binatang ternakan.

Seterusnya tulisan ini akan melihat pelaksanaan tempoh *hawl* dalam pengeluaran zakat harta semasa. Tambahan pula ianya melibatkan agensi-agensi agama yang akan memberi impak besar terhadap pengamalan *fiqh* sebenar. Persoalan *hawl* dalam pelaksanaan zakat harta akan dianalisa berdasarkan pengiraan hari dalam takwim hijri. Untuk itu tulisan ini akan mengetengahkan

---

<sup>1</sup> °Ali Abandah. (1998). *op.cit.*, h. 352

<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Abdul Hamid bin Mohamed Tahir. (1999). “*Kajian ke arah Pembentukan Takwim Hijriyyah Imkanur – Rukyah bagi Negara Malaysia*” (Himpunan kertas kerja Muzakarah Falak Syarie Pegawai-Pegawai Agama Seluruh Malaysia 1997) JAKIM, h. 33. ; Muhammad Basil al-Ta°i (2003), *op.cit.*, h. 250

<sup>4</sup> Mujahid, °Imad. (2001). *op.cit.*, h. 121

perbezaan peratusan pengeluaran zakat harta antara takwim hijri dan masihi merujuk kepada pelaksanaan yang diamalkan di Pusat Zakat Melaka.

## PENGERTIAN DAN DALIL PENSYARIATAN *HAWL*

*Hawl* dari segi bahasa bermaksud tahun<sup>1</sup> dan dari segi istilah ia bermaksud tempoh masa setahun *qamari* yang dijadikan sebagai syarat mengeluarkan zakat<sup>2</sup>. Ia merupakan syarat wajib mengeluarkan zakat pada beberapa jenis harta yang mesti dikeluarkan oleh pemiliknya setelah berlalu tempoh setahun<sup>3</sup>.

Walaupun para ulama mensyaratkan tempoh *hawl* ini, namun ianya hanya terpakai pada harta emas, perak dan segala harta yang mengandungi maksud keduanya seperti wang, perniagaan dan ternakan kecuali tumbuhan, buah-buahan dan galian<sup>4</sup>.

Antara dalil yang diambil oleh para ulama dalam mensyaratkan tempoh *hawl* bagi zakat emas, perak, perniagaan dan ternakan ialah beberapa hadis dan riwayat yang merujuk secara terus kepada tempoh *hawl*. Antara hadis dan riwayat tersebut ialah:

- i. Hadis riwayat ibn ‘Umar, Rasulullah SAW telah bersabda:  
“لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول”<sup>5</sup>  
Bermaksud “Tidak dikenakan zakat terhadap harta sehinggalah berlalu tempoh *hawl*”
- ii. Rasulullah SAW menghantar wakil-wakilnya pada setiap tahun untuk mengutip zakat. Begitu juga amalan Khulafa’ al-Rashidin selepas kewafatan baginda. Ini dibuktikan dalam riwayat Saib Ibn Yazid,

---

<sup>1</sup> Sa‘id Abu Jayyib. (1988). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. c. 2. Dimashq: Dar al-Fikr, h. 106

<sup>2</sup> Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin Ibn ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz. (2000). *Hasyiyah Ibn ‘Abidin*, j. 5, Dimashq: Dar al-Thaqafah wa al-Turath, h. 423 ; al-Zuhayli, Wahbah (1989), *op.cit.*, j. 2, h. 744 ; al-Bayjuri, Ibrahim (t.th), *Hasyiyah al-Bayjuri ‘ala Sharh al-‘Allamah Ibn al-Qasim al-Ghazzi ‘ala Matn al-Shaykh Abi Shuja’*, j. 1, Dar Ihya’ al-Kutub, h. 262

<sup>3</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *op.cit.*, j. 2, h. 745 ; Mustafa Adib Kalkal. (1992). *op.cit.*, h. 280 ; al-Muzini, Ahmad ‘Abd al-‘Aziz. (1984). *al-Murshid fi Ahkam al-Zakah*, c. 1. Kuwait: Pengerat Zat al-Salasil, h. 65

<sup>4</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *op.cit.*, j. 2, h. 745

Ada juga yang membahagikan harta kepada dua: bersifat modal dan bersifat pendapatan. Bersifat modal seperti binatang, wang dan barang dagangan, manakala bersifat pendapatan seperti hasil tanaman, hasil galian, harta karun dan sebagainya. Lihat Mahmood Zuhi Hj. Abd. Majid (1995), “Sumber-sumber zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia”. Jurnal Syariah, jil. 3, API UM, Januari 1995, h. 62

<sup>5</sup> Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn Ibn ‘Ali. (1999). *al-Sunan al-Kubra*, tahqiq: Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata’, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 160 ; Ibad, Muhammad Syams al-Haq. (1995). *‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud*, j. 4, Beirut: Dar al-Fikr, h. 329, Kitab al-Zakah, hadis no 1570

beliau telah berkata: Aku telah mendengar <sup>o</sup>Uthman Ibn <sup>o</sup>Affan berkata:

*“Ini adalah bulan zakat kamu. Sesiapa yang mempunyai hutang maka sempurnakanlah dahulu sehingga kamu mampu mengeluarkan zakat harta kamu. Sesiapa yang tidak mampu (tidak cukup nisab) tidak akan diwajibkan zakat. Sesiapa yang telah mengeluarkan zakat, maka tidak akan diwajibkan lagi sehingga datang tahun hadapan”*<sup>1</sup>

## PERMULAAN DAN AKHIR TEMPOH *HAWL*

Secara asasnya permulaan tempoh *hawl* dikira setelah mencukupi *nisab*<sup>2</sup>. Ini bermaksud *hawl* pada emas dan perak tidak akan bermula kecuali jika pemilik sudah memiliki 20 dinar emas atau 200 dirham perak<sup>3</sup>. Demikian juga pada haiwan ternakan yang mempunyai *nisab* tertentu seperti 5 ekor bagi unta, 30 ekor bagi lembu atau 40 ekor bagi kambing<sup>4</sup>. Penentuan akhir tempoh *hawl* adalah berbeza mengikut perbezaan permulaan tempoh *hawl*. Sekiranya permulaan tempoh *hawl* bermula dari awal bulan hijri, maka tempoh akhirnya adalah setelah berlalunya dua belas bulan genap. Pengiraan hendaklah dilakukan berdasarkan bulan hijri (fasa bulan) tanpa terikat dengan jumlah hari dalam sebulan. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ

Bermaksud “*Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan dihormati*”

Surah al-Tawbah (9) : 36

<sup>1</sup> Abu <sup>o</sup>Ubayd, al-Qasim Ibn Salam. (1968). *Kitab al-Amwal*, c. 1 Qaherah: Maktabat al-Kulliyah al-Azhariyyah, h. 555

<sup>2</sup> Ialah kadar harta yang mewajibkan pengeluaran zakat. Lihat Sa'id Abu Jayyib. (1988). *op.cit.*, h. 353

<sup>3</sup> *Nisab* emas ialah sebanyak 20 dinar bersamaan timbangan semasa 84,72 gram emas, manakala *nisab* perak ialah sebanyak 200 dirham perak bersamaan timbangan semasa 595 gram perak. Walaubagaimanapun kadar emas dan perak ini akan berubah ubah mengikut pasaran semasa. Lihat al- Qaradawi. (2002). *op.cit.*, h. 301

<sup>4</sup> Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Sharf al-Nawawi al-Dimashqi. (2000). *Rawdah al-Talibin*, tahqiq: al-Shaykh <sup>o</sup>Adil Ahmad <sup>o</sup>Abd al-Mawjud, al-Shaykh <sup>o</sup>Ali Muhammad <sup>o</sup>Iwad, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah, h. 474-486 ; Mustafa Adib Kalkal. (1992). *op.cit.*, h. 282-284

Sepertimana jika tempoh *hawl* bermula dari permulaan bulan *Muharam*, maka ianya akan berakhir di penghujung bulan *Zu al-hijjah* dalam tahun yang sama. Jumlah hari dalam sebulan adalah tidak diambil kira.

Walaupun begitu menurut pandangan Prof. Dr Hashim Jamil<sup>1</sup>, adalah tidak menjadi kesalahan sekiranya pembayar zakat bersandarkan kepada takwim masihi dalam menetapkan tempoh *hawl* pengeluaran zakat. Walau bagaimanapun perkiraan hari dan peratus pengeluaran zakat hendaklah dikaji semula agar ianya benar-benar bertepatan dengan *maqasid syari'ah* dalam pelaksanaan zakat<sup>2</sup>.

Sebagaimana umum mengetahui sekiranya tempoh *hawl* adalah bersandarkan kepada takwim *al-qamari*, maka peratus pengeluaran zakat ialah sebanyak 2.5%. Pengeluaran zakat sebanyak ini adalah berdasarkan hadis riwayat <sup>3</sup>Ali ibn Abu Talib bahawa Nabi SAW telah bersabda:

إذا كانت لك مائتا درهم وحال عليها الحول ففيها خمسة دراهم وليس عليك شيء  
يعني في الذهب حتى يكون لك عشرون ديناراً, فإذا كانت عشرون ديناراً وحال  
عليها الحول ففيها نصف دينار<sup>3</sup>

Bermaksud:

“Jika kamu mempunyai 200 dirham dan berlalu ke atasnya tempoh setahun, maka zakatnya sebanyak 5 dirham. Tidak diwajibkan zakat ke atas kamu (pada emas) sehingga sampai jumlahnya 20 dinar. Jika sampai 20 dinar dan berlalu ke atasnya tempoh setahun maka zakatnya sebanyak setengah dinar”

Berdasarkan hadis di atas didapati dengan jelas kadar yang diwajibkan untuk pengeluaran zakat emas dan perak ialah sebanyak 2.5 % daripada jumlah simpanan yang telah mencukupi *nisabnya*.

$$\begin{aligned} \text{Pengiraan peratus untuk 200 dirham} &= 2.5 \% \times 200 \\ &= \frac{2.5}{100} \times 200 \\ &= 0.02500 \times 200 \\ &= 5 \text{ Dirham} \end{aligned}$$

<sup>1</sup> Prof. Dr Hashim Jamil adalah Pensyarah di Fakulti al-Syari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah Universiti of Sharjah UAE. Merupakan ahli jawatankuasa *Majma' al-Fiqh al-Islamiy* hingga sekarang.

<sup>2</sup> Hashim Jamil, Profesor di Fakulti al-Syari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Universiti of Sharjah UAE. Temubual pada 27 Julai 2008

<sup>3</sup> Al-Syawkani. (2003). *op.cit.*, j.4, h. 199; <sup>3</sup>Ibadi, Muhammad Shams al-Haq. (1995). *op.cit.*, j. 4, Kitab al-Zakah, Hadis no 1570, h. 329

$$\begin{aligned}
 \text{Pengiraan peratus untuk 20 dinar} &= 2.5 \% \times 20 \\
 &= \frac{2.5}{100} \times 20 \\
 &= 0.02500 \times 20 \\
 &= 0.5 \text{ Dinar}
 \end{aligned}$$

Jumlah 2.5% itu adalah jumlah yang dikenakan berdasarkan tempoh *hawl* setahun hijri dan bukannya masihi. Ini dibuktikan dengan pengertian *hawl* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar merujuk kepada Sabda Rasulullah SAW “*Tidak dikenakan zakat pada harta sehinggalah berlalu tempoh hawl*”<sup>1</sup>. Merujuk kepada maksud *hawl* dalam hadis riwayat Ibn ‘Umar itu, Dr. Wahbah al-Zuhayli menyatakan semua ulama sepakat mengatakan bahawa pengertian *hawl* itu adalah tempoh setahun hijri dan bukannya masihi<sup>2</sup>. Oleh itu tidak dinafikan maksud *hawl* dalam hadis ‘Ali Ibn Abi Talib di atas juga adalah merujuk kepada tempoh setahun *al-qamari* dan kadar pengeluaran zakatnya ialah sebanyak 2.5 % dari jumlah simpanan yang telah mencukupi *nisab*.

Kiraan peratus pembayaran zakat berdasarkan takwim hijri dan masihi adalah seperti berikut:

|                       |   |                               |
|-----------------------|---|-------------------------------|
| Takwim yang digunakan | : | Takwim hijri                  |
| Jumlah hari           | : | 354.3670662                   |
| Peratus zakat setahun | : | 2.5%                          |
| Peratus zakat sehari  | : | 2.5% → $2.5 \div 100 = 0.025$ |
|                       | : | $0.025 \div 354.3670662$      |
| Peratus zakat sehari  | : | 0.000071%                     |

Sebagaimana telah dinyatakan, adalah harus menggunakan takwim masihi dalam menetapkan tempoh *hawl*, namun perbezaan 11 hari dalam setahun mestilah diambilkira dalam membuat perkiraan peratus pembayaran zakat. Harus diambil perhatian, kecuaihan pengiraan 11 hari ini akan menyebabkan dalam tempoh 33 tahun masihi, seseorang itu akan tertinggal setahun tidak membayar zakat. Perkiraannya adalah seperti berikut:

|                         |   |                                         |
|-------------------------|---|-----------------------------------------|
| Takwim yang digunakan   | : | Takwim masihi                           |
| Jumlah hari             | : | 365.25                                  |
| Peratus dikenakan zakat | : | $\frac{2.5 \times 365.25}{354.3670662}$ |
|                         | : | 2.5767 %                                |
| Peratus dibulatkan      | : | 2.577 %                                 |

<sup>1</sup> Al-Bayhaqi. (1999). *op.cit.*, j. 4, h. 160; Ibadi, Muhammad Syams al-Haq (1995), *op.cit.*, j. 4, h. 329

<sup>2</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *op.cit.*, j. 2, h. 744

Berdasarkan perkiraan di atas ianya akan dapat membantu masyarakat Islam dalam kemelut pengeluaran zakat yang melibatkan takwim. Berkemungkinan juga masyarakat Islam dan pihak berwajib tidak peka dengan perkiraan ini, malah ianya dibiarkan begitu sahaja tanpa dibuat kajian semula. Diharapkan pihak berwajib mampu mengetengahkan perkiraan ini agar tidak berlaku penafian pembayaran setahun dalam tempoh 33 tahun masihi dan dua tahun dalam tempoh 66 tahun masihi. Oleh itu sekiranya pembayaran zakat berdasarkan takwim hijri, maka peratusnya ialah 2.5 % dari jumlah harta yang dikenakan zakat dan sekiranya pembayaran zakat berdasarkan takwim masihi, maka peratusnya ialah 2.577 %. Lebihan sebanyak 0.077 % bayaran zakat yang dikenakan dalam penggunaan takwim masihi ini adalah bertujuan untuk memastikan ianya dapat menyelesaikan ketinggalan sekali bayaran dalam tempoh 33 tahun masihi. Walaupun 0.077% merupakan suatu pertambahan yang kecil tetapi jika melibatkan ratusan juta ringgit, ianya membawa kepada perbezaan bayaran yang amat besar<sup>1</sup>.

### **PENGAMALAN PUSAT ZAKAT DI MALAYSIA BERKAITAN TEMPOH HAWL**

Pengamalan pengurusan zakat di Malaysia menggunakan pengiraan takwim masihi dalam menentukan *hawl* zakat dan kadarnya. Menurut pandangan Dr. Mujaini Tarimin berdasarkan kajiannya, kadar yang perlu digunakan dalam menentukan jumlah zakat yang perlu dibayar adalah 2.5% sahaja sama ada penzakat itu menggunakan *hawl* setahun *al-qamari* ataupun setahun masihi. Alasan beliau adalah:

- i. Hukum kadar zakat adalah tetap justeru penzakat tidak dapat mengubahkannya.
- ii. Jika kadar 2.5% ini digunakan, ia sebenarnya telah membayar zakat ke atas "*lebian*" pendapatannya tadi bahkan bersifat "*advanced*".

Beliau telah memberikan contoh; jika pendapatan seseorang itu berjumlah RM 5,000.00 sebulan, bermakna pendapatannya adalah RM 60,000.00 dalam tempoh setahun. Akan tetapi jika pengiraan berdasarkan kepada tahun *hijri*, asas pendapatannya adalah sebanyak RM 58191.78 sahaja setahun dan bukannya RM 60,000.00. Oleh kerana asas pendapatan yang dikira adalah sebanyak RM 60,000.00, maka '*lebian*' sebanyak RM 1808.22 telah diambil kira. Ini bermakna jika seseorang itu menggunakan kadar 2.577%, bererti terdapat unsur pengiraan dua kali bagi sebahagian pendapatan ataupun terdapat unsur terlebih bayaran. Kedua-dua unsur tersebut memang bertentangan dengan syariat zakat dan perlu ditegah<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Lihat muka surat 264-266

<sup>2</sup> Mujaini Tarimin (t.th), *Zakat Pendapatan; Hukum dan Persoalannya*, Kuala Lumpur: Khaisha Services Sdn. Bhd. H. 142-143



Walaupun begitu kita perlu melihat kesan penggunaan takwim dan implikasi kewangan hasil dari perbezaan hari antara dua takwim yang berbeza. Pada dasarnya takwim hijri harus diutamakan dalam pembayaran zakat dan kadar pengeluarannya ialah sebanyak 2.5 %. Namun sekiranya pengiraan zakat adalah menggunakan takwim masihi, perkiraan hari dan peratus pengeluaran zakat hendaklah dikaji semula agar ianya benar-benar bertepatan dengan *maqasid syari'ah* dalam pelaksanaan zakat sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Prof Hashim Jamil.

Oleh itu peratus yang sepatutnya berdasarkan lebih hari tahun masihi adalah sebanyak 2.577 % berdasarkan alasan-alasan berikut:

- i. Pengiraan tersebut berkemungkinan boleh dilaksanakan pada pengeluaran zakat pendapatan sahaja<sup>1</sup>. Ini kerana gaji seseorang adalah tetap dan mampu dibuat pengiraan untuk jumlah setahun. Namun pengiraan tersebut tidak mungkin dilakukan terhadap zakat harta yang lain seperti simpanan, ternakan dan perniagaan. Dalam zakat simpanan contohnya; wang simpanan adalah tidak tetap. Berkemungkinan berlakunya simpanan pada bulan pertama sahaja dan tidak berlaku pada bulan-bulan berikutnya. Dalam kes seperti ini tidak timbul persoalan berkaitan '*asas simpanan*', '*lebihan*' dan '*advanced*' dalam pembayaran zakat.
- ii. Tidak dinafikan hukum kadar zakat sudah tetap dan kadar yang perlu dikeluarkan adalah sebanyak 2.5 %. Ini adalah hukum asal berdasarkan pengiraan takwim hijri. Merujuk kepada maksud *hawl* dalam hadis riwayat Ibn 'Umar, Dr. Wahbah al-Zuhayli menyatakan semua ulama sepakat membawa pengertian *hawl* itu kepada tempoh setahun hijri dan bukannya masihi<sup>2</sup>. Oleh itu sekiranya tempoh *hawl* adalah merujuk kepada takwim masihi, maka perlu penambahan 0.077 % untuk mengelakkan keciciran pengeluaran zakat bagi tambahan 11 hari dalam takwim Masihi.
- iii. Dakwaan berlakunya pengiraan dua kali dalam penggunaan takwim hijri dalam pengeluaran zakat adalah tidak benar sama sekali. Dalam zakat simpanan, apa yang perlu untuk pengeluaran zakat ialah *hawl* dan *nisab*. Sekiranya *nisab* sudah mencukupi berdasarkan *hawl* hijri atau masihi, maka pengiraan boleh dibuat sekali sahaja. Jika syarat ini telah dipenuhi, zakat wajib dikeluarkan.

Alasan-alasan yang telah diberikan merujuk kepada perbezaan jumlah bayaran zakat yang dikeluarkan berdasarkan jumlah peratusan akan memberikan kesan yang besar kepada hasil pendapatan dari pungutan zakat. Merujuk kepada perbezaan hari dalam setahun antara takwim masihi dan takwim hijri adalah

---

<sup>1</sup> Hukum zakat pendapatan masih menjadi pertikaian di antara fuqaha, malah di Malaysia sendiri pun masih ada negeri yang belum mewartakan kewajipan zakat pendapatan. Oleh itu pengiraan peratus nisbah zakat yang dikeluarkan tidak boleh dijadikan panduan kepada pengeluaran zakat harta yang lain.

<sup>2</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *op.cit.*, j. 2, h. 744

sebanyak 10 atau 11 hari. Dalam pembayaran zakat, penggunaan takwim mestilah seiringan dengan peratus yang telah nyatakan. Ketidakseiringan ini akan memberikan kesan yang amat besar terhadap kewajipan dan tanggungjawab pengeluaran zakat umat Islam di Malaysia khususnya. Jika zakat dikaitkan dengan ibadat, maka ianya hendaklah dilakukan secara tepat dan sempurna. Jika solat zohor sebanyak 4 rakaat ditunaikan dengan 3 rakaat sahaja, maka sudah tentu solat tersebut tidak sah. Begitu juga dengan bayaran zakat bagi harta sebanyak satu juta ringgit yang sepatutnya ditunaikan sebanyak RM 25,770.00 tetapi hanya dibayar sebanyak RM 25,000.00 sahaja. Sudah pasti bayaran zakat tersebut tidak sah dan tidak mencapai hikmah pembersihan harta. Ini dibuktikan dengan pembayaran zakat sebanyak satu juta ringgit sepertimana di sebelah:

|                   |   |                             |
|-------------------|---|-----------------------------|
| Takwim masihi     | = | RM 1,000,000.00 x 2.577 %   |
|                   | = | RM 25,770.00                |
| Takwim hijri      | = | RM 1,000,000.00 x 2.5 %     |
|                   | = | RM 25,000.00                |
| Perbezaan bayaran | = | RM 25,770.00 - RM 25,000.00 |
|                   | = | RM 770.00                   |

Perkiraan di atas jelas menunjukkan jika zakat dibayar berdasarkan takwim masihi dengan peratus 2.5% sahaja, maka akan berlaku pengurangan sebanyak RM 770.00 dan ianya akan menjadi hutang terhadap hak Allah SWT. Perbezaan menjadi lebih jelas jika pembayaran zakat melibatkan jumlah yang lebih besar. Jika satu juta perbezaannya adalah sebanyak RM 770.00, apa akan jadi jika melibatkan puluhan atau ratusan juta ringgit?

Bukti yang lebih jelas lagi ialah pembayaran zakat perniagaan yang telah ditunaikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tahun kewangan berakhir 2007/2008. Bagi tahun tersebut bayaran zakat perniagaan adalah dikira berdasarkan keuntungan perniagaan sebanyak RM 6,261,019.20 dan bayaran zakat adalah sebanyak RM 156,525.48 serta takwim yang digunakan ialah takwim masihi<sup>1</sup>. Lihat perbezaan pembayaran zakat berdasarkan penggunaan takwim seperti di sebelah;

|                   |   |                                 |
|-------------------|---|---------------------------------|
| Takwim masihi     | = | RM 6, 261,019.200 x 2.577 %     |
|                   | = | RM 161,346.46                   |
| Takwim hijri      | = | RM 6, 261,019.200 x 2.5 %       |
|                   | = | RM 156,525.48                   |
| Perbezaan bayaran | = | RM 161,346.4647 - RM 156,525.48 |
|                   | = | RM 4,820.98                     |

Perkiraan di atas jelas menunjukkan jumlah zakat yang telah dibayar oleh pihak TNB adalah tidak menepati kehendak *maqasid syari'ah*. Walaupun takwim masihi diharuskan dalam perkiraan tempoh *hawl* dalam pembayaran zakat, namun

<sup>1</sup> Utusan Malaysia. 28hb. Mei 2009. "TNB bayar zakat perniagaan RM156,525.48"

peratus yang digunakan masih 2.5% sepertimana perkiraan takwim hijri. Dalam keadaan ini, pembayaran zakat sepatutnya adalah berdasarkan peratusan 2.577%. Oleh kerana itu didapati berlaku pengurangan bayaran zakat sebanyak RM 4,820.98 dan ianya akan menjadi hutang terhadap hak Allah SWT. Jika dalam tempoh setahun berlaku pengurangan pembayaran zakat sebanyak RM 4,820.98, maka berapa banyakkah hutang TNB terhadap hak Allah SWT dalam tempoh 10 tahun, 20 tahun dan seterusnya? Persoalan yang timbul juga ialah bagaimanakah pembayaran zakat yang dilakukan oleh syarikat-syarikat besar yang lain termasuk juga pembayaran zakat oleh pihak perbankan di Malaysia. Apakah takwim yang digunakan dan berpakah peratusan bayaran yang telah dibuat?

## KESIMPULAN

Hasil dari perbincangan berkaitan takwim hijri dan *hawl* zakat merujuk kepada pengamalannya di Malaysia, dua hujah penting mengapa perlunya pertambahan peratus pembayaran zakat jika menggunakan takwim *al-syamsi* iaitu:

- i. Jika tidak dilakukan penambahan kepada 0.077% untuk 11 hari dalam takwim masihi, ianya akan menjadi hutang yang mesti ditanggung oleh pembayar zakat. Hutang ini akan dihisab di hadapan Allah SWT di akhirat kelak. Ini berdasarkan hadis:

فدين الله أحق<sup>1</sup>

Bermaksud “*Hak Allah SWT lebih utama untuk ditunaikan*”

- ii. Jika berlaku syak wasangka dalam ibadat, maka wajib mengambil jalan tengah yang lebih yakin (الأحوط). Begitu juga dalam masalah peratus pembayaran zakat, jika perkiraan tempoh *hawl* berdasarkan takwim masihi mendatangkan masalah atau kekeliruan, maka jalan tengah yang lebih selamat ialah dengan menaikkan peratusannya kepada 2.577%. Oleh itu jika mengambil jalan tengah yang lebih yakin (الأحوط), maka sudah tentu ianya dapat mengelakkan tanggungan *zimmah* ke atas hak Allah SWT.

Oleh itu adalah penting untuk kita kembali kepada penggunaan takwim hijri bagi memudahkan pelaksanaan ibadat terutamanya bagi pengiraan kadar peratusan zakat kerana ia melibatkan implikasi kewangan.

---

<sup>1</sup> Al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti. (1999). *op.cit.*, j. 5, h. 125; Mustafa Dib al-Bugha. (2000). *op.cit.*, h. 353

## RUJUKAN

- Abdul Hamid bin Mohamed Tahir (1999), *“Kajian ke arah Pembentukan Takwim Hijriyyah Imkanur – Rukyah bagi Negara Malaysia”* (Himpunan kertas kerja Muzakarah Falak Syarie Pegawai-Pegawai Agama Seluruh Malaysia 1997) JAKIM
- Abu °Ubayd, al-Qasim Ibn Salam (1968), *Kitab al-Amwal*, c. 1 Qaherah: Maktabat al-Kulliyah al-Azhariyyah
- °Ali Abandah. (1998). *al-Falak wa al-Anwa° fi al-Turath*. Beirut: al-Maktabah al-Wataniyyah.
- al-°Askari, Abu Hilal al-Hasan ibn °Abd Allah ibn Sahl. (1997). *al-Awa'il*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah
- al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn Ibn °Ali. (1999). *al-Sunan al-Kubra*. tahqiq: Muhammad °Abd al-Qadir °Ata', j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah
- al-Bayjuri, Ibrahim. (t.th). *Hasyiyah al-Bayjuri °ala Sharh al-°Allamah Ibn al-Qasim al-Ghazzi °ala Matn al-Shaykh Abi Shuja°* .j. 1, Dar Ihya' al-Kutub
- al-Muzini, Ahmad °Abd al-°Aziz. (1984). *al-Murshid fi Ahkam al-Zakah*. c. 1. Kuwayt: Pengedar Zat al-Salasil
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Sharf al-Nawawi al-Dimashqi. (2000). *Rawdah al-Talibin*, tahqiq: al-Shaykh °Adil Ahmad °Abd al-Mawjud, al-Shaykh °Ali Muhammad °Iwad, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah
- al- Qaradawi. (2002). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhaw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah
- al-Syawkani, Muhammad ibn °Ali ibn Muhammad. (2003). *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Ikhar min Ahadis Sa°id al-Akhyar*. al-Riyad: Dar °Alam al-Kutub
- al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din °Abd al-Rahman ibn Abu Bakr. (1999). *Sunan al-Nasai bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hasyiyah al-Imam al-Sanadi*. tahqiq: Maktab al-Tahqiq al-Turath al-Islami, 5 j, Beirut: Dar al-Ma°rifah

Kepentingan Takwim Hijri Dalam Permasalahan Fiqh Di Malaysia: Kajian Terhadap  
Pengamalan Pengiraan Tempoh *Hawl* Dalam Pengurusan Zakat Di Malaysia  
Radzuan Bin Nordin<sup>1</sup>, Ab Rahim Bin Ibrahim<sup>1</sup>

al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. 8 j, c. 3. Dimashq: Dar al-Fikr.

Hashim Jamil adalah Pensyarah di Fakulti al-Syari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah Universiti of Sharjah UAE. Merupakan ahli jawatankuasa *Majma' al-Fiqh al-Islami* hingga sekarang.

Hashim Jamil, Profesor di Fakulti al-Syari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Universiti of Sharjah UAE. Temubual pada 27 Julai 2008

Ibadi, Muhammad Syams al-Haq. (1995). *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*. j. 4. Beirut: Dar al-Fikr, h. 329, Kitab al-Zakah, hadis no 1570

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Ibn 'Umar Ibn 'Abd al-'Aziz. (2000). *Hasyiyah Ibn 'Abidin*, j. 5, Dimashq: Dar al-Thaqafah wa al-Turath, h. 423

Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. (1995). "Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia". Jurnal Syariah, jil. 3, API UM, Januari 1995, h. 62

al-Ta'i, Muhammad Basil. (2003). *'Ilm al-Falak wa al-Taqawim*, c. 1. Beirut: Dar al-Nafa'is li-al-Tiba'ah wa al-Tawzi'

Mujahid, 'Imad 'Abd al-'Aziz. (2001). *Tarikh 'Ilm al-Falak min 'Asr al-Ahramat ila 'Asr al-Fada'*, c. 1, 'Amman: Dar al-Faris li al-Nasyr wa al-Tawzi'

Mujaini Tarimin. (t.th). *Zakat Pendapatan; Hukum dan Persoalannya*. Kuala Lumpur: Khaisha Services Sdn. Bhd.

Mustafa al-Khind, Mustafa Dib al-Bugha (Dr), 'Ali al-Sharbiji. (1987). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Shafi'i*, c.1. Dimashq: Dar al-Qalam li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'

Mustafa Adib Kalkal. (1992). *al-Fiqh al-Mubassat fi Madhhab al-Syafi'i*, c. 5, Dimashq: al-Maktabah al-'Arabiyyah

Sa'id Abu Jayyib. (1988). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. c. 2. Dimashq: Dar al-Fikr

Utusan Malaysia. 28hb. Mei 2009. "TNB bayar zakat perniagaan RM156, 525.48"

